

B Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada petang Ahad minggu lepas, Daud dan ayahnya pergi ke warung makan untuk bersarapan. Daud melihat ramai pelanggan bersarapan sambil bermain dam. Daud berminat lalu mencadangkan kepada ayah untuk membuat permainan dam. Mereka membeli barang keperluan untuk membuat permainan dam.

Ayah menjelaskan kepada Daud tentang permainan dam yang seronok dimainkan beramai-ramai. Namun, hanya dua orang sahaja pemain yang diperlukan. Oleh itu, mereka perlu menyediakan tapak untuk bermain dam.

Untuk membina tapak dam, ayah memotong papan nipis kepada bentuk segi empat sama. Biasanya, hanya warna hitam dan merah sahaja digunakan untuk tapak dam. Pemain yang dapat menghabiskan dua belas buah dam lawan digelar sebagai pemenang.



1 Berapakah pemain yang diperlukan untuk bermain dam?

- a. Dua orang sahaja pemain yang diperlukan untuk bermain dam.
- b. Ramai orang pemain yang diperlukan untuk bermain dam.

2 Berapakah buah dam diperlukan bagi seorang pemain?

- a. Dua puluh buah dam diperlukan bagi seorang pemain.
- b. Dua belas buah dam diperlukan bagi seorang pemain.

3 Apakah bentuk papan dam?

Papan dam berbentuk _____

4 Nyatakan dua benda yang digunakan dalam permainan dam.

- (a) _____
- (b) _____